

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : MAJLIS MAKAN MALAM MENGENANG 70 TAHUN KEBIDANAN DI MALAYSIA
Lokasi : HOTEL HILTON, KUALA LUMPUR
Tarikh : 19-11-1993

Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak Penganjur kerana menjemput saya dan Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir ke Majlis Makan Malam mengenang 70 Tahun Kebidanan di Malaysia. Saya berasa gembira kerana dapat bersama-sama dengan rakan-rakan sekerja saya semasa berkhidmat dengan Kementerian Kesihatan dahulu dan sahabat-sahabat saya yang sudah lama tidak berjumpa.

2. Saya mengucapkan tahniah kepada pihak Penganjur iaitu Kementerian Kesihatan, Persatuan Kesihatan Ibu dan Bayi Malaysia (MAMANEH) dan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara yang telah berusaha untuk mengadakan Majlis ini.

3. Syukur alhamdulillah, 70 tahun sudah berlalu dalam sejarah kebidanan dan satu Majlis yang ulungkali dapat diadakan bagi mengenang jasa para pekerja perubatan dan kesihatan yang telah banyak dicurahkan ke arah peningkatan taraf kesihatan, khususnya kesihatan ibu dan kanak-kanak negara ini. Merekalah barisan hadapan yang telah menempuhi berbagai-bagai rintangan dan cabaran untuk mendapat kepercayaan orang ramai supaya menggunakan khidmat perubatan dan perbidanan moden. Pada masa itu amalan tradisi seperti penggunaan bidan kampung, bomoh, dukun diamalkan untuk rawatan penyakit dan menyambut kelahiran manakala rawatan moden dianggap sebagai rawatan asing atau 'foreign'. Jika dilihat sejarah negara-negara maju seperti Perancis dan Sweden, perbidanan moden dimulakan sejak abad ke-18, iaitu 200 tahun lebih awal dari Malaysia.

4. Sejarah perkembangan perbidanan Malaysia boleh dikatakan telah menjangkau tiga zaman iaitu zaman sebelum perang, semasa perang dan selepas perang. Bermula dengan program Kebidanan melalui Enakmen Perbidanan 1923, aktiviti untuk kesihatan ibu dan kanak-kanak diperkenalkan hinggalah sekarang. Lebih kurang 70 tahun sudah berlalu, pelbagai perubahan dan peningkatan kesihatan telah dapat dinikmati.

5. Saya masih ingat pada masa saya baru bertugas di Kedah bagaimana ramai ibu dan kanak-kanak meninggal dunia akibat penyakit berjangkit seperti TB, taun, cirit-birit dan penyakit-penyakit yang boleh dicegah. Semua ini berlaku kerana masyarakat takut atau enggan datang ke hospital.

Mereka mengutamakan rawatan tradisi. Di samping itu, kemudahan-kemudahan kesihatan juga masih berkurangan. Saya juga masih ingat betapa susah payahnya kakitangan perubatan khususnya bidan-bidan bekerja dalam keadaan yang serba kekurangan seperti alat-alat dan ubat-ubatan, tanpa kemudahan air dan elektrik di tempat mereka bekerja dan tiada peluang berkawan atau hidup bermasyarakat.

6. Malam ini besar maknanya kerana pada malam ini kita memberi penghormatan yang besar kepada semua yang telah menyumbang kepada bangsa dan negara. Amat wajarlah khidmat jasa mereka ini dikenang. Segala pengorbanan yang mereka berikan tidak cukup diganti atau dibalas dengan wang ringgit dan ganjaran berupa material, tetapi perlu dimeterikan di dalam sejarah pembangunan perkhidmatan kesihatan negara kita. Kepada mereka yang diberi penghargaan khas pada malam ini, saya mengucapkan tahniah. Penghormatan ini adalah untuk memberi pengiktirafan kepada bidang-bidang kerja pembangunan perkhidmatan kesihatan ibu dan kanak-kanak di negara ini.

7. Sumbangan dan khidmat tenaga perubatan dan kesihatan seiring dengan perkembangan kemudahan dan teknologi boleh dilihat daripada prestasi pencapaian taraf kesihatan Malaysia. Pada tahun 1927, sejumlah 203 bayi meninggal dunia daripada setiap 1,000 yang dilahirkan hidup dan pada tahun 1992, hanya 13 meninggal dunia daripada 1,000 bayi yang dilahirkan hidup.

8. Sungguhpun kita telah mencapai banyak kemajuan, kita tidak seharusnya berpuashati dengan pencapaian kita ini. Mengikut analisa kes kematian ibu bersalin oleh Kementerian Kesihatan seramai 100 daripada lebih kurang 200 ibu setiap tahun dapat diselamatkan dengan peningkatan kualiti jagaan dan

kemudahan, di samping ibu dan keluarga sendiri mengamalkan prinsip asas jagaan kesihatan diri sendiri.

Kita bukan hanya mahukan rakyat setakat untuk hidup tetapi kita juga mahu mereka dapat hidup sepenuhnya daripada segi fizikal, mental dan kerohanian. Dalam hal ini, peranan ibu amat mustahak untuk menjamin kesihatan dan kesejahteraan anak-anak dan keluarga.

9. Justeru itu, saya menyeru semua tenaga kesihatan supaya sentiasa berusaha meningkatkan pengetahuan, kepakaran dan kemahiran supaya dapat mempertingkatkan lagi mutu perkhidmatan yang diberikan. Adalah penting mereka ini bersedia menangani masalah kesihatan yang terkini dan mengkaji semula strategi dan pendekatan-pendekatan serta mengambilkira persepsi dan keperluan masyarakat dan keluarga supaya perkhidmatan dapat diberi dalam suasana yang lebih mesra dan prihatin.

10. Sungguhpun negara meningkat maju, masih terdapat kelompok masyarakat yang enggan menerima kaedah dan program kesihatan moden. Ada juga kelompok masyarakat yang berpelajaran dan terdedah kepada permodenan dan pengetahuan tetapi mempunyai persepsi dan amalan negatif atau sikap tidak bertanggungjawab dalam soal kesihatan sehingga boleh menjejaskan kesihatan ahli keluarga sendiri. Pada tahun lepas terdapat ramai kanak-kanak yang mengalami kesan ini apabila immunisasi tidak diterima dan akibatnya kanak-kanak ini ditimpa penyakit polio, difteria atau tetanus. Keadaan seperti ini tidak harus berlaku kerana penyakit-penyakit ini boleh dihapuskan dengan teknologi immunisasi dan kemudahan kesihatan.

11. Masalah seperti ini adalah antara cabaran baru program kesihatan di mana strategi dan pendekatan yang tepat dan sesuai perlu dirangka untuk menanganinya dan supaya amalan kesihatan dapat diterima oleh semua lapisan masyarakat.

12. Rakyat negara ini beruntung kerana Kerajaan mampu menyediakan pelbagai kemudahan perubatan dan kesihatan setanding dengan negara-negara maju. Dengan peningkatan penyertaan pihak swasta dalam bidang perubatan, maka dapatlah kerajaan mengagihkan kemudahan kesihatan kepada masyarakat yang kurang mampu supaya pakej kesihatan yang seimbang dan komprehensif dapat dinikmati oleh semua golongan masyarakat. Sekiranya kita berjaya meningkatkan kualiti jagaan dan taraf kesihatan masyarakat, dan mampu mengatasi rintangan-rintangan, maka saya percaya matlamat Wawasan 2020 akan dapat dicapai dengan cepat.

13. Deklarasi Sedunia mengenai Kehidupan, Perlindungan dan Pembangunan Kanak-kanak yang ditandatangani oleh Y.A.B. Perdana Menteri kita pada 18 Julai 1991 membuktikan komitmen Kerajaan terhadap usaha ini dan sesuai dengan Wawasan Negara yang ingin melahirkan masyarakat penyayang, produktif dan berkualiti. Oleh itu besarlah harapan saya semoga tuan-tuan dan puan-puan dapat terus menyumbangkan tenaga bagi memastikan semua ibu dan anak serta keluarga di negara ini mendapat kehidupan yang lebih bermakna.

14. Usaha ini harus diteruskan dengan mengambilkira strategi-strategi yang sesuai, berinovatif dan cekap.

Dalam hal ini, lebih banyak penyelidikan dan pembaharuan teknologi diperlukan dan saya difahamkan bahawa MAMANEH telah membuat perancangan awal bagi melancarkan Tabung Carnation Merah - Inisiatif Keibuan Selamat (Red Carnation Appeal - Safe Motherhood Initiative). Adalah diharapkan sumbangan ini akan digunakan untuk menyokong dan menggalakkan program dan inisiatif tempatan ke arah meningkatkan kesihatan ibu dan bayi 'neo-natal' yang bercorak penyelidikan dan pembangunan, pendidikan dan latihan. Adalah diharapkan juga supaya melalui usaha ini kita dapat menemui idea-idea dan strategi baru ke arah keibuan yang selamat yang dapat seterusnya dimajukan ke peringkat tempatan, daerah ataupun negeri.

15. Saya juga dimaklumkan MAMANEH sedang menerbitkan dua buah buku panduan untuk profesional kesihatan, mengenai 'Keibuan Yang Selamat' (Safe Motherhood) dan 'Jagaan Kesihatan Neo-Natal'. Syabas diucapkan dan berharap agar usaha ini mendapat sambutan yang menggalakkan.

16. Akhir kata, saya menyampaikan 'sekalung bunga' kepada penyumbang utama majlis ini iaitu Yang Berbahagia Tan Sri Datuk Ibrahim Mohamed yang telah memberi sumbangan secara persendirian untuk membolehkan majlis malam yang bersejarah ini diadakan.
